

TEPAT & TERKINI



**KERTAS PERSEDIAAN
UJIAN AKHIR SESI AKADEMIK**

Berdasarkan

**Tingkatan
1
KSSM**

JADUAL SPESIFIKASI UJIAN (JSU)

Bahasa Melayu (02)



1 Set Ujian Awal Tahun

1 Set Ujian Pertengahan Sesi Akademik

3 Set Ujian Akhir Sesi Akademik + JSU

MODEL

UJIAN AKHIR SESI AKADEMIK

Tingkatan 1

Bahasa Melayu (02/1)

1 jam 30 minit

Nama	
No. Kad Pengenalan	
Kelas	

ARAHAN:

1. Buka kertas ujian ini apabila diberitahu.
2. Tulis nama, nombor kad pengenalan, dan nama kelas anda pada ruang yang disediakan.
3. Jawapan anda hendaklah ditulis pada ruang jawapan yang disediakan di dalam kertas ujian ini.
4. Kertas ujian ini hendaklah diserahkan kepada guru bertugas pada akhir ujian.

Untuk Kegunaan Pemeriksa			
Nama Pemeriksa:			
Bahagian	Soalan	Markah Penuh	Markah Diperoleh
A	1 – 15	15	
B	1	2	
	2	2	
	3	4	
	4	2	
	5	10	
	6	10	
C	1	15	
Jumlah		60	

Arahan: Jawab semua soalan dalam setiap bahagian.

BAHAGIAN A

[15 markah]

Soalan 1 – 2

Lengkapkan ayat-ayat yang berikut dengan memilih jawapan yang paling sesuai.

1 _____, malang sungguh nasib pekerja-pekerja yang ditipu oleh majikan mereka itu!

- A Cis
- B Oh
- C Aduh
- D Aduhai

2 Kes penipuan wang ringgit di negara ini semakin _____ jika tidak ditangani dengan seriusnya.

- A melebar → 变宽 to widen, 扩大 broaden
- B menegang → 变紧 to tighten
- C meruncing → 变尖 to become sharp / 变严重 to worsen
- D melambung → 抛上去 thrown up / 上涨 increase

老板
被解决
 tangan 手
menangan i 解决

Soalan 3 – 4

Pilih ayat-ayat yang menggunakan perkataan berhuruf condong dengan betulnya.

- 3 I Dua orang kanak-kanak sedang bermain sambil berlari-lari di atas *batas* sawah padi.
- II Hafiza seorang wanita yang sopan dan sentiasa menjaga *batas* pergaulannya di tempat kerja.
- III Shaza tidak mahu (memaksa) dirinya untuk melakukan pekerjaan yang di luar *batas* (kemampuannya).

IV Peluang untuk menyertai pertandingan pencarian bakat itu sangat *batas*.

- A I dan II sahaja
- B III dan IV sahaja
- C I, II dan III sahaja
- D II, III dan IV sahaja

batas = 界限、边界、限制
limit / boundary

- 4 I Thilaga *sampai* pesan daripada Cikgu Fatin kepada rakan-rakan sekelasnya.
- II Anida berasa kecewa kerana tidak dapat *sampai* cita-citanya untuk melancong ke Turki.
- III Dina masih belum berjaya menemui sahabat masa kecilnya *sampai* ke hari ini.
- IV Air sungai yang cetek itu boleh *sampai* ke paras dada semasa hujan lebat.

- A I dan II sahaja
- B III dan IV sahaja
- C I, II dan III sahaja
- D II, III dan IV sahaja

Soalan 5 – 6

Bahagian yang **bergaris** dalam ayat-ayat berikut mungkin mengandungi kesalahan penggunaan bahasa atau mungkin juga tidak.

Tandakan sama ada **A**, **B** atau **C** jika ayat itu mengandungi kesalahan dan tandakan **D** jika tiada kesalahan.

- 5 Kedai buku itu menjual berbagai-bagai jenis novel-novel dari dalam dan luar negara.
 A berbagai jenis novel
 B pelbagai jenis novel
 C pelbagai-bagai jenis novel
 D berbagai-bagai jenis novel-novel
- 6 Kerajaan menyediakan pelbagai kemudahan untuk kesejahteraan orang tua-tua di pusat jagaan warga emas. 设备 安宁
 A orang tua
 B orang-orang tua
 C orang tua-orang tua
 D orang tua-tua

Soalan 7 – 8

Pilih ayat-ayat yang betul.

- 7 I Pak Cik Lan perlu menjalankan rawatan dua kali seminggu.
 II Rakan Foo Seng mengajaknya di perpustakaan awam.
 III Fendi giat menjalani latihan gerak langkah silatnya.
 IV Pihak polis sedang mengadakan (sekatan jalan raya) blocking
 A I dan II sahaja
 B III dan IV sahaja
 C I, II dan III sahaja
 D II, III dan IV sahaja
- 8 I Pemuda itu berlegar-legar di pekarangan rumah kami. 徘徊 周围
 II Semua murid beratur di hadapan kelas pada waktu pagi. 和室
 III Kami melihat pelbagai spesies rama-rama di taman bunga itu. 好 贪污
 IV Banyak pegawai-pegawai di syarikat itu telah (disoal siasat) berkaitan kes rasuah. 被调查及问
 A I dan II sahaja
 B III dan IV sahaja
 C I, II dan III sahaja
 D II, III dan IV sahaja

Soalan 9

Pilih ayat yang mempunyai maksud yang sama atau maksud yang paling hampir dengan ayat yang dicetak tebal.

9 Perhatian harus diberikan oleh pihak kerajaan kepada golongan belia.

- A Kerajaan harus memberikan perhatian kepada golongan belia.
- B Golongan belia harus memberikan perhatian kepada kerajaan.
- C Pihak kerajaan dan golongan belia harus memberikan perhatian.
- D Perhatian seharusnya perlu diberikan kepada kerajaan dan golongan belia.

Soalan 10

Pilih peribahasa yang paling sesuai.

- 10** Naura membantu ibunya membuat kuih pada waktu petang dan mengulang kaji pelajaran pada waktu malam.

Berdasarkan pernyataan di atas, yang manakah bandingan semacam yang paling tepat?

- A Gagah macam gergasi 像巨人那么勇
- B Diam macam tunggul
- C Rajin macam semut
- D Cepat macam kilat 快得像闪电

Soalan 11 – 15 berdasarkan bahan di bawah ini.

Baca bahan di bawah ini dengan telitinya dan jawab soalan-soalan yang berikutnya.

“Lim Foong meninggal dunia juga bukan sebab Lim Meng. Lim Foong meninggal dunia kerana dia lemas. Dia lemas bukan kerana nak menyelamatkan Lim Meng tapi cuba nak bersembunyi daripada orang yang mengejanya, yang memintanya membayar hutang kalah judi.” Lim Pooi tersentak, seakan-akan *tidak percaya dengan omongan* Sim Pau. Tak mungkin Lim Foong berjudi. Tak mungkin. Batinnya menjerit.

“Kebetulan pada hari itu, Lim Meng yang baru balik dari sekolah nampak Lim Foong terkapai-kapai kerana lemas. Lim Meng cuba turun untuk menolong menyelamatkan Lim Foong tapi dia pula yang lemas. Dia dah tak menghiraukan keselamatannya lagi asalkan abangnya selamat. Mujur Sudin ada di situ. Dialah yang menyelamatkan Lim Meng. Sudin tidak mengira Lim Foong itu bangsa apa, agama apa untuk ditolongnya. Dia ikhlas menolong Lim Meng tapi sayangnya, dia tidak sempat menyelamatkan Lim Foong.” Sim Pau menangis lagi mengingatkan peristiwa lama itu.

想起

Dipetik daripada cerpen “Kuih Bakul Limau Mandarin”,
antologi *Kuingin Berterima Kasih*, Tingkatan 1,
Kementerian Pendidikan Malaysia

11 Apakah maksud perkataan *tidak percaya dengan omongan* dalam petikan tersebut?

怀疑

- A Meragui kata-kata tersebut
- B Curiga dengan rungutan 抱怨、投诉
- C Tidak yakin dengan leteran
- D Tidak termakan dengan janji manis

12

Dia dah tak menghiraukan keselamatannya lagi asalkan abangnya selamat.

理解

Bandingan semacam yang sesuai dengan situasi di atas ialah

- A halus macam debu. 细得像灰尘
- B degil macam keldai. 像驴子那么固执
- C becok macam murai. 吵得像
- D berani macam harimau.

- 13 Apakah penyebab Lim Foong lemas? 导致原因
- A Cuba menyelamatkan Lim Meng
 - B Tergelincir ke dalam sungai sewaktu melarikan diri
 - C Mahu bersembunyi daripada orang yang mengejanya
 - D Dipukul oleh orang yang meminta hutang daripadanya
- 14 Antara berikut yang manakah **bukan** persoalan dalam petikan?
- A Perbuatan yang tidak baik akhirnya akan merugikan diri sendiri.
 - B Kasih sayang isteri terhadap suami yang telah banyak berkorban.
 - C Kebencian terhadap anak yang tidak bersalah kerana keegoan diri.
 - D Pertolongan yang diberikan kepada orang lain tanpa mengira bangsa dan agama.
- 15 Antara berikut yang 错怪 manakah **benar** tentang petikan?
- A Lim Pooi menyalahkan Sim Pau atas kematian anaknya, Lim Foong.
 - B Sim Pau telah membongkarkan kebenaran tentang kematian Lim Meng.
 - C Lim Pooi mempercayai kata-kata Sim Pau dan dia berasa sangat menyesal.
 - D Sudin cuba untuk menyelamatkan Lim Foong tetapi dia tidak berjaya.